

Presiden Umno beri sokongan terbuka **Ghafar wajar bertanding**

Oleh MIOR
KAMARUL SHAHID

**TELUK INTAN, Ahad —
Datuk Seri Dr Mahathir
Mohamad hari ini menyatak-
akan sokongan terbuka
terhadap pencalonan Encik
Ghafar Baba bertanding
jawatan Timbalan
Presiden Umno dalam per-
himpunan agung Umno,
24 April ini.**

Perdana Menteri berkata, sebagai Timbalan Perdana Menteri adalah wajar Encik Ghafar bertanding jawatan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata Encik Ghafar layak memegang jawatan itu berasaskan kedudukannya sekarang dan juga sudah menjadi Naib Presiden Umno selama 25 tahun.

Berucap merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno Pasir Salak di sini, Presiden Umno itu berkata perjuangan Encik Ghafar dalam Umno tidak pernah berbelah bagi walaupun ketika di luar kerajaan.

"Dalam pemilihan lalu (1984) saya berkempen supaya jawatan Timbalan Presiden tidak perlu ditandingi kerana ketika itu jawatan berkenaan sudah

diisi dalam pemilihan sebelumnya.

"Ketika itu, Timbalan Presiden (Datuk Musa Hitam) sungguh gembira kerana mahukan jawatan itu tidak ditandingi bagi memenuhi tradisi jawatan yang sudah diisi tidak perlu dicabar," katanya.

"Tetapi sekarang orang yang sama mahukan demokrasi tulen.

"Kita mahukan pemimpin yang berpendirian tetap, bukan ketika di dalam kata lain, di luar buat lain. Hari ini kata kuning, esok kata hijau. Dulu puji Jabatan Pulau Pinang, sekarang mengatakan ia projek mewah.

"Saya hanya melaksanakan pembinaannya sedangkan ia diputuskan lama dahulu. Semua orang pun tahu," katanya.

Bagi jawatan Naib Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir berkata ia boleh ditandingi oleh sesiapa sahaja kerana ada kekosongan apabila Encik Ghafar

bertanding jawatan Timbalan Presiden.

"Sesiapa sahaja yang berminat dan sedia berkhidmat bolehlah bertanding," katanya.

Bagi jawatan Majlis Tertinggi pula, beliau berkata memang ada tambahan kerusi disediakan bagi membolehkan sesiapa sahaja bertanding.

Perlembagaan Umno yang dipinda memperuntukkan tambahan kerusi daripada 20 kepada 25.

"Begitu juga jawatan Presiden. Jika difikirkan perlu dipertandingkan, ia terpaksa diadakan. Kita boleh pilih siapa saja asalkan jangan melakukan perkara yang tidak manis," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga meminta supaya pemilihan dijalankan dengan cara yang sihat dan mengikut peradaban orang Melayu.

Katanya meskipun demokrasi dimalkan ia hendaklah diselaraskan

dengan kebudayaan dan adat Melayu.

"Kita tidak boleh mencontohi demokrasi Barat yang tidak ada batasnya," tegasnya.

"Di Pasir Salak inilah orang Melayu membunuh Residen British J W Birch kerana melanggar tertib orang Melayu. Orang Melayu mempunyai adatnya sendiri. Jika orang Melayu sendiri tidak mempunyai adab, kita hendaklah menegurnya," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir sedih kerana ada orang berkata Umno sudah ada dua kem.

"Bagaimanakah Umno dibahagi-bahagikan mengikut puak? Keadaan ini hanya menimbulkan syak wasangka antara satu sama lain. Untuk bercakap dengan orang tertentu pun menimbulkan perasaan takut," katanya.

Beliau bimbang keadaan panas dalam Umno akan digunakan oleh musuh Umno.

"Mereka juga mempunyai pita rakaman. Apabila menjelang pilihanraya nanti, mereka akan mula mempersoalkan kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak tertentu, khususnya yang mengecam kerajaan."

Datuk Seri Dr Mahathir juga kesal dengan peristiwa di Gua Musang, yang mana Menteri Besar Kelantan, Datuk Haji Mohamad Yaakub dan Ketua Penerangan Umno, Haji Hussein Ahmad diejek-ejek sedangkan mereka hadir kerana dijemput.

"Sekurang-kurangnya adat orang Melayu menghormati tetamu."